

**UCAPAN PROF MADYA MUHAMMAD FAISHAL IBRAHIM, SETIAUSAHA  
PARLIMEN KANAN (KEMENTERIAN PENDIDIKAN DAN KEMENTERIAN  
PEMBANGUNAN SOSIAL DAN KELUARGA) DALAM MAJLIS  
MENJUNJUNG BUDI BULAN BAHASA, SELASA, 7 NOVEMBER DI KELAB  
MASYARAKAT KEAT HONG.**

Puan Rahayu Mahzam

Pengerusi Jawatankuasa Bulan Bahasa 2017

Anggota Majlis Bahasa Melayu Singapura

Para wakil pertubuhan, Institusi, MAEC

dan para peserta Majlis Malam ini

Tuan-tuan dan Puan-puan

Assalamualaikum w.r.b

**PENGENALAN**

1. Terima kasih kerana dapat bersama kami malam ini. Saya ingin mengambil peluang dalam perjumpaan kita malam ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan Bulan Bahasa 2017.
  
2. Sememangnya, Bulan Bahasa selama lebih kurang tiga bulan telah berakhir Oktober lalu, tapi kita tahu banyak sekali kegiatan bahasa, sastera dan budaya yang terus dianjurkan. Pada hujung minggu yang baru berlalu kita dapat rasakan kemeriahan kegiatan bahasa dan budaya Melayu dengan Pesta Penulis(SWF) anjuran Majlis Seni Kebangsaan (NAC) yang

berlangsung di Artshouse dan Festival Muara yang berlangsung di Esplanade. Masyarakat bahasa, sastera dan budaya kita mempunyai pilihan yang luas dalam memilih aktiviti yang mereka suka. Malah, ada yang terpaksa membuat pilihan antara dua aktiviti yang mereka mahu hadiri. Inilah yang kita panggil ‘*good problem*’ – masalah yang baik untuk kita.

## **ANTARA KEGIATAN BULAN BAHASA 2017 YANG SAYA HADIRI**

3. Tahun ini, saya berpeluang menghadiri beberapa kegiatan Bulan Bahasa. Saya amat gembira sekali kerana sambutan masyarakat kita terhadap kegiatan Bulan Bahasa amat hangat sekali.
  
4. Kegiatan-kegiatan yang dianjurkan di estet-estet perumahan dihadiri oleh pelbagai peringkat masyarakat – dari kegiatan untuk kanak-kanak prasekolah hingga kegiatan untuk warga emas. Sambutan ini amat menggembirakan sekali kerana inilah matlamat kita apabila menganjurkan Bulan Bahasa, iaitu mahu Bulan Bahasa itu sesuai untuk semua peringkat usia dan golongan.

## **SAMBUTAN TIGA PULUH TAHUN BULAN BAHASA 2018**

5. Hadirin sekalian, tahun depan merupakan tahun ketiga puluh Majlis Bahasa Melayu Singapura menganjurkan Bulan Bahasa sejak 1988. Perjalanan selama 30 tahun ini amat bermakna sekali. Saya pasti ada individu dalam

masyarakat kita yang mempunyai pengalaman melibatkan diri dalam kegiatan Bulan Bahasa sejak tahun 80-an lagi. Pengalaman mereka amat berharga sekali.

6. Oleh itu, untuk menyambut tahun ketiga puluh kita menjayakan Bulan Bahasa, MBMS menjemput sumbangan gambar daripada orang ramai ketika mereka melibatkan diri dalam kegiatan Bulan Bahasa. Sekiranya dapat dialih ke salinan lembut, lebih baik. Kami juga sedar, dalam masa 30 tahun ini, pelbagai bahan-bahan seranta telah diberikan contohnya tanda buku, poster, buku nota, beg sandang dan sebagainya. Petiklah beberapa gambar dan hantarlah kepada kami. Ketika menghantar gambar tersebut kepada kami, hantarkan juga pengalaman anda ketika menyambut Bulan Bahasa dalam lebih kurang 20 – 50 perkataan.

## **PENGHASILAN VIDEO, PAMERAN DAN JURNAL**

7. Kami merancang untuk menghasilkan video pendek yang dapat merakam pengalaman orang ramai ketika melibatkan diri dalam Bulan Bahasa sepanjang 30 tahun ini. Kami akan berkongsi video ini nanti melalui pelbagai platform yang ada agar dapat dinikmati oleh masyarakat kita. Sekiranya bahan-bahan yang kami terima melalui gambar yang dihantar sesuai, kami juga akan mengadakan pameran nanti.

8. Kami juga merancang untuk menerbitkan sebuah jurnal bahasa dan sastera Melayu bermula pada tahun depan. MBMS dahulu menerbitkan jurnal ‘Sekata’ dan kami berharap untuk menerbitkan artikel-artikel dan karya-karya penulis kita.

### **PENGERUSI PROJEK TAHUN KE-30 BULAN BAHASA**

9. Projek Sambutan Bulan Bahasa ke-30 tahun depan mempunyai dua bahagian. Kegiatan Bulan Bahasa 2018 akan terus diterajui oleh Puan Rahayu Mahzam sebagai pengurusinya. Untuk Projek Khas Bulan Bahasa 2018 pula, Encik Tajudin Jaffar, Setiausaha MBMS akan mengetuainya. Saya percaya mereka akan dapat menjalankan tanggungjawab yang dipikul dengan sokongan masyarakat kita.

### **WISMA GEYLANG SERAI – PELANCARAN BULAN BAHASA 2018**

10. Hadirin sekalian, kita telah menjayakan Majlis Pelancaran di pelbagai tempat yang menawarkan ciri-ciri uniknya tersendiri seperti di Muzium Tamadun Asia, Muzium Negara dan tahun ini di Taman Warisan Melayu. Tahun depan, sesuai dengan Sambutan Bulan Bahasa 2018 kita berharap kita dapat mengadakan Majlis Pelancaran Bulan Bahasa di Wisma Geylang Serai yang sedang dibangunkan sekarang. Insya-Allah, sekiranya pembangunan Wisma Geylang Serai berjalan seperti yang dijadualkan, kita

akan dapat menyambut Majlis Pelancaran Bulan Bahasa 2018 di sana nanti. Sama-samalah kita nantikannya.

11. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih saya kepada Puan Rahayu Mahzam dan Jawatankuasa Bulan Bahasa beliau, para Duta Bahasa dan Rakan Bahasa yang begitu aktif sekali terlibat dalam pelbagai peranan. Terima kasih daun keladi.

12. Saya juga berterima kasih kepada semua pertubuhan, institusi, MAEC, para guru dan pelajar, individu-individu yang tidak sempat saya sebutkan nama mereka di sini yang menyumbang dalam kegiatan-kegiatan Bulan Bahasa. Jangan serik, ya.

Ilmu. Budaya. Mesra. Bahasa Kita. Gunakanlah.

Sekian, terima kasih.